



UUM
Universiti Utara Malaysia

NEWS HIGHLIGHTS

STRAITS TIMES

Utusan
Malaysia

Kosmo!

BH

Sinar

Star

Metro

Date: 21 Januari

Page: 12

RPTM 2026-2035 anjakan baharu dasar pendidikan tinggi

• Pendidikan tinggi tidak lagi ditafsir semata-mata sebagai alat penyedia tenaga kerja, sebaliknya instrumen pembinaan nilai, kepemimpinan dan hala tuju negara

• Dalam RPTM 2026-2035, AI dijadikan pemboleh daya strategik utama bagi kurikulum, penyelidikan dan inovasi untuk melahirkan pencipta teknologi masa depan, bukan sekadar pengguna



Oleh Prof Dr Ahmad
Martadha Mohamed
bhrencana@bh.com.my

Semalam, Rancangan Pendidikan Negara (RPN) 2026-2035 dilancarkan secara rasmi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam satu majlis bersejarah di Putrajaya.

Pada peringkat pendidikan tinggi, Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia (RPTM) 2026-2035 memperlihatkan satu peralihan paradigma ketara dalam cara negara memahami peranan dan tujuan pendidikan tinggi berbanding Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) (Pendidikan Tinggi) 2015-2025.

Jika PPPM (PT) 2015-2025 disusunkan sebagai pelan transformasi sektor pendidikan tinggi diajar dengan pelan pendidikan sekolah, RPTM 2026-2035 pula meletakkan pendidikan tinggi secara rasmi dalam satu seni bina dasar nasional bersepadu di bawah RPN 2026-2035 yang turut merangkumi Rancangan Pendidikan Malaysia (RPM) 2026-2035.

Peralihan ini menandakan pendidikan tinggi tidak lagi berfungsi sebagai sektor bergerak selari tetapi terpisah, sebaliknya menjadi kesinambungan langsung pembangunan modal insan dari peringkat sekolah hingga universiti dalam satu ekosistem nasional berterusan dan saling melengkapi.

Pendekatan ini menjadi manifestasi jelas dan terancang terhadap hasrat Perdana Menteri agar sistem pendidikan negara dibangunkan sebagai satu entiti benar-benar 'seamless' dengan setiap peringkat pendidikan saling menyokong antara satu sama lain dan tidak lagi bergerak secara terasing atau bersifat 'silo'.

Secara perbandingan, dari sudut matlamat teras, PPPM (PT) 2015-2025 banyak digerakkan lima aspirasi sistem, iaitu akses, kualiti, ekuiti, paduan dan kecekapan, dengan penekanan jelas terhadap kebolehpasaran siswazah, peningkatan ranking universiti, output penyelidikan dan kecekapan institusi. Pendekatan ini amat relevan pada fasa ketika Malaysia berusaha memperkuatkan daya saing global dan membina asas sebagai negara berpendapatan tinggi.

Namun, RPTM 2026-2035 melangkah lebih jauh dengan menetapkan aspirasi lebih bersifat normatif dan tamadun, iaitu melahirkan 'pembina negara' berpaksikan kemanusiaan dan dipacu matlamat bermakna demi masa hadapan harmoni, makmur, maju dan mampan.

Dalam konteks ini, pendidikan tinggi tidak lagi ditafsir semata-mata sebagai alat penyedia tenaga kerja, sebaliknya instrumen pembinaan nilai, kepemimpinan dan hala tuju negara.

Perbezaan ini turut terserlah dalam falsafah dasar mendasari kedua-dua pelan. PPPM (PT) bersifat sangat sistematik dan berorientasikan 'outcome', dengan penggunaan petunjuk prestasi utama (KPI), kontrak prestasi dan ranking antarabangsa sebagai penanda aras utama, walaupun disertai kesedaran ranking bukan ukuran mukamat kualiti pendidikan. Bahasa dasar PPPM (PT) kuat berlegar pada reform institusi, produktiviti,

autonomi, pembiayaan dan hubungan industri. RPTM 2026-2035 pula menambah satu lapisan penting dengan meletakkan nilai teras seperti kemanusiaan, kesejahteraan holistik, kemakmuran bersama dan kemampan generasi sebagai kompas dasar pendidikan tinggi.

Wujudkan masyarakat beradab

Pendekatan ini mengurangkan risiko pendidikan tinggi terjerumus menjadi projek ekonomi semata-mata, sebaliknya menegaskan peranannya dalam membentuk masyarakat beradab dan berdaya tahan.

Dari segi pengurusan perubahan, PPPM (PT) dirancang sebagai pelan jangka panjang dengan pelaksanaan berfasa jelas sepanjang tempoh 2015 hingga 2025. Walaupun semakin boleh dibuat, struktur dasarnya kekal sebagai pelan tempoh tetap.

RPTM 2026-2035 memperkenalkan pendekatan baharu dengan mengadopsi sebagai 'dokumen hidup' boleh disemak dan dilaras berterusan. Ciri ini membolehkan dasar pendidikan tinggi bertindak balas dengan lebih pantas terhadap kemunculan teknologi baharu, perkembangan kecerdasan buatan (AI), perubahan geopolitik, krisis iklim dan ketidakstabilan dunia pascanormal sukar diramal dalam kerangka perancangan statik.

Perbezaan ketara turut dapat dilihat dalam pendekatan terhadap teknologi dan digital. Dalam PPPM (PT), teknologi disruptif seperti automasi, internet benda dan e-pembelajaran diiktiraf sebagai pemboleh penting untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran dan akses.

Namun, dalam RPTM 2026-2035, AI diangkat sebagai pemboleh daya strategik teras membentuk reka bentuk kurikulum, penyelidikan dan inovasi. Sasaran jelas adalah melahirkan pencipta teknologi masa hadapan, bukan sekadar pengguna pasif yang sentiasa mengejar perubahan teknologi global.

Aspek keterangkuman dan mobiliti sosial juga diperkuatkan dalam RPTM 2026-2035. PPPM (PT) meletakkan komitmen jelas terhadap prinsip ekuiti, terutama bagi golongan berpendapatan rendah, walaupun mengakui kekangan data dan cabaran pelaksanaan.

RPTM 2026-2035 melangkah setapak ke hadapan dengan mengikat keterangkuman kepada mekanisme lebih operasional, termasuk peluasan laluan kemasukan fleksibel seperti bagi lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan

matrikulasi, sekali gus menterjemahkan prinsip keadilan akses kepada tindakan dasar lebih nyata.

Dalam soal Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), PPPM (PT) memulakan usaha penting untuk menjenamakan semula TVET sebagai laluan pilihan, mengharmonikan rangka kelayakan dan memperkuatkan pembabitian industri.

RPTM 2026-2035 pula menaikkan kedudukan TVET dengan menegaskan 'kompetensi TVET termaju' dan integrasinya dengan Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Seni dan Matematik (STEAM) sebagai nadi daya saing masa hadapan negara, khususnya dalam konteks ekonomi digital dan peralihan kepada ekonomi hijau.

Pendekatan pembiayaan pendidikan tinggi juga menunjukkan evolusi signifikan. PPPM (PT) memberi tumpuan besar kepada pengurangan kebergantungan kepada dana kerajaan melalui formula pendanaan baharu, endowment, wakaf dan transformasi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

RPTM 2026-2035 mengekalkan agenda ini, tetapi meletakkan kemampanan kewangan sebagai antara lonjakan strategik utama digandingkan dengan tadbir urus tangkas, keberkesanan penyampaian dan kelestarian jangka panjang, menjadikan isu kewangan sebahagian daripada reform ekosistem menyeluruh.

Dari segi tadbir urus dan penyampaian, PPPM (PT) menekankan autonomi institut pendidikan tinggi (IPT), pengharmonian kawal selia, pengurangan birokrasi dan peranan baharu kementerian sebagai pembuat dasar serta pengawal selia.

RPTM 2026-2035 meluaskan kerangka ini dengan menambah penekanan khusus kepada tadbir urus tangkas dan berdaya tahan serta penyampaian responsif dan dinamik, sejajar tuntutan dunia pascanormal yang memerlukan keupayaan bertindak balas pantas dan berkesan.

Akhirnya, dari sudut orientasi global, PPPM (PT) jelas menggunakan ranking antarabangsa dan peningkatan pelajar antarabangsa sebagai ukuran kemajuan, sambil mengakui keterbatasan pendekatan berkenaan.

RPTM 2026-2035 masih membawa agenda kebangsaan global dan hab membina antara bangsa, namun membina kerangka lebih berteraskan nilai kemanusiaan dan kemampan bumi, agar globalisasi pendidikan tinggi tidak terpisahkan daripada tanggungjawab sosial serta alam sekitar.

Ringkasnya, RPTM 2026-2035 muncul sebagai pelan lebih matang, menyeluruh dan berbanding dengan jauh berbanding PPPM (PT) 2015-2025. Ia bukan sahaja menyempurnakan asas dibina sebelum ini, tetapi memperluaskan horizon pendidikan tinggi sebagai projek negara berteraskan nilai, makna dan masa hadapan bersama.

Dalam konteks ini, kepemimpinan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir dan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi, Datuk Prof Dr Azlinda Azman, wajar diiktiraf kerana menunjukkan kejelasan visi dan keberanian dasar untuk memposisikan pendidikan tinggi sebagai teras kekuatan nasional relevan, berimpak dan berdaya tahan.

